

08/07/1999

Demam kempen pilihan raya bermula

Mahadzir Mohd Khir

MASING-masing parti sudah mula memperlihatkan kekuatan. Pada hal belum ada tanda-tanda bila Parlimen hendak dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya diadakan. Apa yang nyata, walaupun bukan minggu berkempen, suasana kempen sudah dirasakan. Media elektronik dan cetak dalam setiap berita memuatkan berita berkaitan parti seperti kenyataan yang bersifat cabar-mencabar. Nampaknya pilihan raya kian dekat. Bahangnya sudah mula terasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apabila ditanya mengenai pilihan raya juga menjawab ia boleh berlaku bila-bila masa. Mungkin dalam fikiran beliau proses itu mahu dijalankan secepat mungkin. Selagi belum selesai pilihan raya, selagi itu suasana yang tegang akan berlanjutan. Semua kegiatan parti-parti politik tertumpu kepada pilihan raya saja. Parti pembangkang berada dalam keadaan suspen dan bimbang serta takut kalau-kalau ia diisytiharkan secara mengejut. Mereka berasakan BN menggunakan strategi pembangkang 'masih belum bersedia', untuk membuat pengumuman.

Tetapi pembangkang sebenarnya tidak juga kurang dengan strategi dan peramal yang sentiasa menjalankan kerja-kerja mengukur 'suhu' dan indikator 'angin' pilihan raya. BN pula cuma menunggu isyarat dari Pusat, tetapi tidak juga pasti. Dalam apa pun keadaan, BN sudah pun diberitahu untuk membuat segala macam persediaan. Di samping itu jentera parti diletak dalam keadaan tersusun untuk menjamin kemenangan.

BN, sebagai pihak yang mempertahankan kerajaan, sudah pasti akan berhati-hati untuk menentukan supaya majoriti dua pertiga tidak terhakis. Tambahan pula rekod yang ditempah dalam pilihan raya 1995 lalu dianggap boleh dipertahankan walaupun beberapa isu baru muncul. BN khususnya UMNO cuba memperlihatkan keyakinannya.

Pembangkang termasuk Pas, DAP dan parti-parti kecil yang lain seperti PRM masing-masing juga cuba memperlihatkan keyakinan bahawa kali ini BN tidak akan mendapat laluan mudah. Percubaan yang jelas ialah dengan membuat serangan 'bertubi-tubi' ke atas pimpinan Dr Mahathir. Dengan kata lain, Dr Mahathir diperlihatkan sebagai sasaran. Mungkin cara ini digunakan untuk menimbulkan keraguan mengenai kebolehan serta kemampuan Dr Mahathir sebagai pemimpin. Dengan menggunakan Dr Mahathir sebagai sasaran mereka berharap sekurang-kurangnya untuk melemahkan rasa keyakinan dari dalam BN dan Umno khususnya.

Masing-masing pembangkang dan BN telah menyedari bahawa kempen sudah bermula. Cuma ia tidak seperti kempen sebenar waktu pilihan raya.

Kempen dari perkataan Perancis 'campaigned', pada awalnya lebih bermaksud kepada ekspedisi ketenteraan dengan objektif tertentu. Di samping itu kegiatannya lebih bersifat terancang. Cara yang digunakan ini bertujuan memastikan kemenangan. Kemudian istilah yang sama diperluaskan dalam politik dengan maksud mendapat serta memperolehi sokongan dalam pemilihan. Kebiasaannya kempen dalam politik, khususnya pilihan raya dilakukan secara tersusun dan terancang. Ini untuk memastikan pada peringkat akhir calon-calon tajaan parti tertentu akan memperoleh kemenangan.

Daripada sudut psikologi kempen ialah sebagai cara untuk mengubah perlakuan pemilih untuk membuat sokongan melalui tindakan memangkah (X) dalam kertas undi ketika pembuangan undi. Dengan kata lain proses kempen ialah untuk meyakinkan atau mengubah pendirian pengundi ketika mengundi. Apa yang dimaksudkan ialah walaupun seseorang itu dianggap penyokong satu-satu parti, tujuan parti untuk menyakin pengundi tertentu supaya tidak

mengubah pendiriannya nanti.

Di Malaysia, sebagai contoh, apa yang berlaku dalam masyarakat Melayu baik di bandar dan luar bandar ada kecenderungan memihak kepada parti-parti tertentu dalam pilihannya, Pas atau Umno. Tetapi keadaan di Sabah dan Sarawak berbeza. Di Sabah umpamanya berdasarkan kepada pilihan raya negeri yang lalu, ternyata sokongannya kepada Umno yang mana pencapaiannya menjangkau 100 peratus dan Pas tidak mendapat sebarang kemenangan walaupun kecenderungan ini tidak begitu nyata.

Ketika kempen pelbagai cara digunakan. antaranya ialah menggantung poster, mengibar bendera, kain rentang atau sepanduk, mengadakan ceramah, menyebarkan pamphlet, buku, lencana dan sebagainya. Kaedah-kaedah ini digunakan sepenuhnya. Malah dalam minggu kempen pilihan raya, suasana perang poster dan bendera sudah menjadi lanskap pilihan raya, ia menjadikan suasana seperti musim perayaan. Kadangkala terdengar pelbagai cerita mengenai aktiviti pasang poster dan bendera. Pernah ada cerita pergaduhan berlaku dalam perang poster, ada yang memasang bendera di pucuk pokok yang tinggi sehingga pernah berlaku kemalangan dan berbagai lagi. Masyarakat Malaysia sangat bersifat visual. Itu belum lagi tidak tidur dalam dua minggu, kopi/teh, dan air liur.

Dalam suasana perang poster dan bendera, simbol parti khususnya warna dan logo menjadi lambang parti. Misalnya BN dengan warna biru dan dacing dan Pas dengan warna hijau dan bulan penuh. Lambang ini semuanya bagi memudahkan penyokong dan mungkin bakal penyokong mengingatkan parti berkaitan dan tidak lupa untuk memberi sokongan atas kertas undi nanti. Mengingati logo parti adalah penting kerana di atas kertas undi nanti di sebelah nama calon akan terletak logo parti, termasuk calon bebas yang logonya akan ditentukan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) seperti kunci, payung, bas dan sebagainya. Oleh kerana sistem pilihan raya di Malaysia berasaskan kepada calon yang ditaja parti (menurut peraturan) adalah wakil kawasan, dengan itu sekiranya seseorang calon bertukar parti selepas pilihan raya, tindakan mahkamah sukar diambil.

Seperti yang disebutkan selain poster dengan lambang dianggap keperluan kepada parti ketika berkempen. Sebelum ini, iaitu sebelum pilihan raya 1974, kempen secara terbuka diizinkan. Tetapi disebabkan peristiwa 13 Mei 1969, kempen terbuka tidak lagi dibenarkan kerana dalam kempen itu banyak perkara sensitif perkauman ditimbulkan, dan isu-isu yang bersifat mengapi-apikan serta membakar sentimen dan emosi digunakan. Walaupun ceramah dibenarkan, terkandung-kala ceramah yang sepatutnya dibuat dalam rumah dan sekitar kawasan rumah, bertukar corak seperti kempen terbuka dengan ramai penonton. Disamping itu pembesar suara digunakan, dan seluruh kampung dapat mendengar ceramah. Pada sesetengah pandangan, cara begini boleh dibenarkan asalkan tidak berlaku pergaduhan dan dapat dikawal penganjur.

Apa yang menarik ceramah sedemikian, di kawasan luar bandar adalah sebagai tarikan kepada pendengar. Tetapi bilangan penonton yang ramai tidak memastikan sokongan dalam bentuk undi, kerana kadangkala, yang datang bukan pengundi kawasan berkenaan dan ada yang sekadar ingin tahu atau hanya ingin beramai.

Dalam kempen kali ini, bukan saja kaedah tradisional seperti ceramah dan poster akan digunakan, komputer juga akan berfungsi. Ini dilakukan melalui Internet yang mana segala macam tuduhan fitnah dan tohmah serta cabar mencabar dilakukan. Persoalannya sejauh manakah ia akan mengesani tingkah laku pengundi di dalam membuat penentuan nanti. Keadaan ini menguji pemikiran rasional orang Melayu.

Semua pihak cuba memperingatkan lagi kempen walaupun masa kempen belum tiba. Pada permulaan, di kalangan masyarakat Melayu di Semenanjung nampaknya Pas bagaikan berkempen `sepenuh masa'.

Dalam suasana itu cakap-cakap untuk mengadakan manifesto bersama antara

parti pembangkang mungkin di peringkat akhir. Ini sebagai langkah bersedia kerana pilihan raya akan berlaku bila-bila masa. Bagaimanapun ianya masih rahsia, mungkin kerana persetujuan secara konsensus belum lagi tercapai. Persoalannya sejauh mana ia dapat menandingi manifesto BN yang mana sudah tentu mengandungi perkara-perkara yang kemudiannya akan menjadi dasar kerajaan.

Secara realistik sehingga kini belum lagi diberi gambaran kasar mengenai perkara yang dianggap sebagai manifesto parti pembangkang sebagai visi bersama sekiranya majoriti diperolehi nanti. Misalnya apakah dasar ekonomi dan apakah alternatif untuk mengatasi permasalahan ekonomi sekarang. Begitu juga dengan rancangan pembangunan masyarakat dan strategi mempertingkatkan taraf hidup secara mudah.

Begitu juga dengan isu pembahagian kerusi dan di kawasan mana seseorang calon akan bertanding. Walaupun lambang masing-masing dikekalkan, bagaimana untuk mendapat sokongan atau menukar cara pengundian kelak. Untuk berkempen supaya menidakkan 2/3 mungkin praktikal tetapi dalam masa yang sama sejauh mana pembangkang dapat mempertahankan kawasan yang sudah diperolehi dalam pilihan raya lalu. Silap langkah jadi lebai malang; yang dikendong berciciran yang dikejar tak dapat.

Demam kempen sudah bermula. Di Semenanjung mungkin suhu kempen kian meningkat, tetapi di Sabah dan Sarawak suhunya masih `nyaman'.